

# PRULink Income Plus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	<p><b>PRULink Income Plus Fund ("Dana")</b> bertujuan untuk menjana jumlah pulangan yang stabil dan dalam jangka masa panjang melalui pelaburan terutama dalam portfolio sekuriti pendapatan tetap dan/atau aset-aset lain termasuk ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, deposit, derivatif atau mana-mana instrumen kewangan yang lain secara langsung, dan/atau tidak langsung menerusi penggunaan mana-mana dana seperti dana <b>PRULink</b>, skim pelaburan kolektif atau pertukaran dana yang diniagakan, secara tempatan atau global.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p><b>Strategi Pelaburan</b> Dana akan melabur sekurang-kurangnya 75% daripada NAV Dana dalam portfolio terpelbagai yang terdiri daripada sekuriti pendapatan tetap dan NAV Dana yang lebih akan dilabur ke dalam aset-aset lain secara langsung dan/atau tidak langsung melalui dana-dana pelaburan [Dana(-Dana) Sasaran], untuk mencapai objektif pelaburan.</p> <p><b>Strategi Pendekatan</b> Pengurus Dana akan memperuntukkan secara strategik akan kelas aset-aset pelaburan untuk mencapai objektif pelaburan Dana tersebut.</p> <p>Untuk aset-aset pelaburan secara terus, Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan mereka yang berdisiplin dan yang diarah oleh penilaian boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Mereka bertujuan untuk menggunakan peluang kedua-dua peruntukan aset dan pemilihan aras sekuriti-sekuriti melalui penyelidikan dalaman serta pengurusan portfolio, dengan fokus pada memaksimumkan pulangan pada paras risiko yang boleh diterima.</p> <p>Ketidakcekapan penetapan harga yang disebabkan tingkah laku pelabur yang tidak munasabah boleh dieksploitasi melalui penyelidikan dalaman yang aktif dan pengurusan portfolio. Penetapan harga sekuriti yang salah yang berjaya dieksploitasi dan dikekalkan memerlukan penerapan cara penilaian kami yang disiplin.</p> <p>Proses mereka bertujuan untuk menyingkirkan sifat berat sebelah yang menyebabkan kesilapan penetapan harga pada mulanya. Pengurus Dana membuat anggapan yang konservatif terhadap ramalan pendapatan untuk memastikan sasaran penilaian dalaman mereka boleh dicapai. Tetapi, pada masa yang sama, mereka tidak menyingkirkan potensi peluang dengan mengambil risiko yang sudah diperhentikan dalam masa yang tidak stabil ini yang cenderung kepada kejadian sekelilingnya.</p> <p>Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.</p> <p>Untuk aset-aset yang dilaburkan secara tidak langsung melalui [Dana(-Dana) Sasaran], Dana Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan cara kedudukan. Peruntukan ke, atau Dana Sasaran mungkin berubah jika ia dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.</p>
Peruntukan Aset	<p>Dana akan melabur sekurang-kurangnya 75% Dana NAV dalam sekuriti pendapatan tetap secara langsung, dan/atau tidak langsung melalui [Dana(-Dana) Sasaran] yang ditentukan oleh Pengurus Dana.</p> <p>Dana juga akan melabur sehingga 20% Dana NAV dalam ekuiti secara langsung, dan/atau tidak langsung melalui [Dana(-Dana) Sasaran] yang ditentukan oleh Pengurus Dana.</p> <p>Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair dan/atau instrumen kewangan yang lain secara</p>

## PRULink Income Plus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan


	langsung, dan/atau tidak langsung melalui Dana Sasaran yang ditentukan oleh Pengurus Dana.
Piawaian Prestasi	Piawaian boleh berubah-ubah. Pada permulaan, piawaian adalah: 100% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate  <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	1.00% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

# PRULink Income Plus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana

### PRULink Income Plus Fund Vs. 100% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate



**Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.**

Tahun	Prestasi PRULink Income Plus Fund	Piawaian Prestasi 100% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate
2018	1.31% *	0.93% *
2019	13.87%	3.18%
2020	6.24%	2.22%
2021	-3.17%	1.88%
2022	-0.80%	2.25%

\*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2022

Nota: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

# PRULink Income Plus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat tambahan untuk PRULink Income Plus Fund

Yuran pengurusan mungkin dikenakan ke atas Dana dan / atau Dana Sasaran. Mohon ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.00%, sebagai caj pengurusan dana gabungan ke atas Dana dan Dana Sasaran.

Dana Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Pertukaran ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif lain yang mungkin menanggung perbelanjaan tambahan dalam Dana Sasaran yang di ambil kira sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan bagi mencapai prestasi dana.

## Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini

#### Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi bagi kerugian yang mungkin disebabkan oleh perubahan tidak baik kepada keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya adalah, disebabkan oleh, dalam kalangan, ekonomi dan kestabilan politik. Jika pasaran di mana Dana ini melabur mengalami kejatuhan atau ketidakstabilan yang disebabkan oleh keadaan pasaran atau ekonomi yang tidak baik, ini mungkin akan memberi kesan buruk kepada harga pasaran bagi Dana pelaburan

#### Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

#### Risiko Inflasi

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

#### Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjejaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

#### Risiko Kredit / Kemungkiran

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kemungkiran sekiranya penerbit instrument tersebut menghadapi masalah kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada pengingkaran dalam pembayaran utama dan faedah.

#### Risiko Ketidapatuhan

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidapatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

# PRULink Income Plus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## Risiko Penumpuan

Ini adalah risiko di mana dana menumpukan sebahagian besar asetnya dalam skop pilihan pelaburan yang kecil. Sebarang kejatuhan harga dalam ekuiti dan/atau pendapatan tetap pelaburan tertentu akan memberi impak yang besar kepada dana dan seterusnya menyebabkan kerugian yang besar. Risiko ini boleh diminimumkan oleh pengurus dengan melakukan analisa asas yang teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

## Risiko Syarikat Pengurusan

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kecekapan dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai kekurangan dalam kualiti-kualiti di atas, ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada prestasi Dana.

## Risiko Saham/Penerbit

Risiko ini merujuk kepada risiko individu setiap syarikat yang menerbitkan sekuriti. Risiko spesifik termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perubahan cita rasa dan permintaan pengguna, saman perundangan, persekitaran operasi yang kompetitif, perubahan suasana industri, dan kesilapan dan kecuaiian pengurusan. Walau bagaimanapun, risiko ini diminimumkan dengan melabur dalam pelbagai syarikat dari sektor yang berbeza, justeru berfungsi secara bebas antara satu sama lain.

## Risiko Negara

Risiko ini merujuk kepada perubahan dan perkembangan dalam pengawalan, politik dan ekonomi sesebuah negara. Pelaburan mungkin terjejas oleh kebimbangan dalam negara di mana pelaburan dilakukan seperti perkembangan politik domestik, sekatan keatas pelaburan asing dan penghantaran wang balik ke negara pelabur, perubahan dalam polisi kerajaan, perubahan dalam percukaian dan lain-lain perkembangan dalam perundangan dan pengawalan. Selain itu, kurangnya maklumat umum, infrastruktur perundangan dan ketiadaan piawaian perakaunan, audit dan laporan kewangan yang seragam dan lain-lain amalan dan peruntukan pengawalan mungkin mengurangkan kemampuan untuk melindungi pelabur. Sesetengah sekuriti mungkin dikenakan cukai kerajaan atau melibatkan perbelanjaan perlindungan yang lebih tinggi yang boleh mengurangkan hasil sekuriti tersebut.

## Risiko Pengurus Pelaburan

Pengurusan Dana yang lemah akibat daripada kekurangan pengalaman, pengetahuan, kepakaran dan teknik pengurusan yang lemah akan memberikan impak yang negatif ke atas prestasi Dana. Ini menyebabkan pelabur mengalami kerugian atas pelaburan dalam Dana.

## Risiko Mata Wang

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang Dana Sasaran. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

## Risiko Derivatif

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada risiko mata wang. Dana mungkin melabur sehingga 10% Dana NAV secara langsung dalam instrumen derivatif.

## Risiko Portfolio

Dana ini disasarkan kepada pelabur yang boleh menerima risiko-risiko yang dikaitkan dengan melabur terutamanya dalam jenis sekuriti yang dipegang dalam Dana ini. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko-risiko yang dikaitkan dengan ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, termasuk turun naik harga pasaran, maklumat penerbit atau maklumat pasaran yang tidak menggalakkan dan hakikat bahawa hak bayaran faedah ekuiti dan berkaitan ekuiti adalah kurang penting berbanding dengan sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap akan tertakluk kepada risiko yang dikaitkan dengan sekuriti hutang, termasuk risiko kredit dan kadar faedah, dan risiko tambahan yang dikaitkan dengan sekuriti hutang kadar hasil tinggi, penyertaan pinjaman dan sekuriti derivatif. Selain itu, pelabur juga hendaklah menyedari tentang risiko-risiko yang dikaitkan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka digunakan oleh Dana ini.

# PRULink Income Plus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana-Sasaran atau Dana-Sub (secara kolektif dikenali sebagai "Dana Sasaran")

### **Risiko Sekuriti**

Pergerakan harga yang buruk sekuriti tertentu dilaburkan oleh Dana Sasaran boleh memberi kesan negatif kepada nilai aset bersih Dana Sasaran. Pengurus Pelaburan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaian portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

### **Risiko Pengurusan Dana Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana Sasaran dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana Sasaran. Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

### **Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana Sasaran**

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana Sasaran. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana Sasaran akan terjejas dengan itu, Dana Sasaran akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana Sasaran. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana Sasaran (tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa di mana Dana Sasaran itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana baik Dana Sasaran mahupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir.

### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

### **Risiko Negara-Negara atau Sekuriti-Sekuriti Asing**

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti tersenarai atau bermastautin di negara-negara selain daripada negara mastautin. Sebarang perubahan-perubahan dalam asas ekonomi, kestabilan sosial dan politik, ketidakpastian atau perubahan dalam mata wang rasmi negara, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing di negara-negara ini boleh meningkatkan turun naik dalam nilai-nilai aset, kecairan dan risiko kemungkiran yang mungkin mempunyai kesan ke atas harga-harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana Sasaran dan maka juga boleh menjejaskan nilai aset bersih Dana Sasaran.

Pelaburan di pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti-sekuriti mungkin dilarang dan dihad disebabkan oleh keperluan kawal selia. Sekatan-sekatan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan memberi kesan negatif kepada kecairan sekuriti dan harga yang berkaitan dengan sekuriti.

Pengurus Pelaburan akan memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset-aset Dana Sasaran diperuntukkan. Di samping itu, Pengurus Pelaburan juga akan menggunakan proses pelaburan yang sistematik, yang merangkumi penilaian yang kerap, untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini.

### **Risiko Mata Wang**

Pelaburan dasar Dana Sasaran ini mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berlainan daripada mata wang Dana Sasaran. Prestasi Dana Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang pelaburan dasar dan mata wang Dana Sasaran.

### **Risiko Caj-Caj kepada Modal**

Caj-caj dan perbelanjaan Dana Sasaran adalah diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

# PRULink Income Plus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## **Sekatan pada Pelaburan Asing**

Beberapa negara melarang atau mengenakan sekatan yang teguh pada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh entiti-entiti asing. Terdapat juga keadaan di mana pesanan pembelian kemudiannya gagal kerana peruntukan yang dibenarkan kepada pelabur asing telah diisi, melucutkan keupayaan Dana Sasaran untuk membuat pelaburan yang diinginkan pada masa tersebut.

## **Risiko Derivatif**

Pengurus Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keupayaan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran ini. Pengurus Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keupayaan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindung dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana Sasaran tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana Sasaran ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegang kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana Sasaran.

*Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.*

## **Pengurusan Risiko**

### **Peramalan Risiko**

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

### **Kawalan Sistem**

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluar bet, kumpulan pengeluar, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah

# PRULink Income Plus Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<p>Dana ini sesuai untuk pemegang-pemegang polisi yang:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari pertumbuhan modal stabil dalam jangka masa pelaburan yang sederhana sehingga panjang.</li><li>• Mempunyai daya toleransi risiko Rendah sehingga sederhana.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi dana <b>PRULink</b> tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRULink</b> selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggaraan, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Tarikh Penilaian hendaklah merupakan tarikh yang dipilih oleh Prudential dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit.</li><li>• Syarikat akan menilai dana-dana <b>PRULink</b> tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana <b>PRULink</b> yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana <b>PRULink</b> akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana <b>PRULink</b> yang lebih pada suatu Hari Penilaian</li><li>• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana <b>PRULink</b>.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>